

PENGHAYATAN sejarah akan membina jati diri kebangsaan yang membawa kepada keharmonian etnik.

Isu Remaja

Oleh PROF. MADYA DR. MOHAMED ALI HANIFFA

Menghayati sejarah, memperkasa patriotisme

KETIBAAN Bulan Kebangsaan Negara mengingatkan semula persoalan, sejauh manakah rakyat Malaysia benar-benar menghayati sejarah pembinaan negara?

Walaupun Malaysia memiliki kepelbagaian, namun setiap warganegara berkongsi sejarah kebangsaan yang sama kerana bernaung di bawah bumbung 'Rumah Malaysia'. Rakyatnya hidup dalam suasana penuh harmoni, namun masih terdapat sebilangan kecil

individu yang gemar mencetuskan kegusaran dalam kalangan rakyat dengan menimbulkan isu sensitif. Realitinya, walaupun sejarah sering dianggap bosan dan tidak menarik, namun penting dalam memahami cabaran semasa negara.

Melalui sejarah, segala isu berkaitan sosial, politik dan budaya dapat diselesaikan dengan memahami punca masalah serta perubahan. Sejarah juga dapat menghubungkan setiap ahli komuniti untuk berkongsi naratif yang sama bagi membina keutuhan semangat kejayaan.

Hal ini akan menyumbang kepada keutuhan identiti nasional melalui perkongsian simbol dan titik sentuhan budaya, sekali gus identiti nasional dapat diperkukuhkan. Kepimpinan dan jasa pejuang terdahulu dalam mempertahankan tanah air tidak boleh dilupakan.

Terdapat banyak tokoh nasionalis pelbagai kaum yang perlu dihargai semula menjelang sambutan Bulan Kebangsaan seperti Datuk Onn Jaafar, V.T. Sambanthan, Tan Cheng Lock, Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Temenggong Jugah Barieng.

Penghayatan sejarah akan membina jati diri kebangsaan yang membawa kepada keharmonian etnik. Sejarah memerlukan penghayatan tinggi kerana merupakan teras dalam memastikan semua warganegara memiliki identiti nasional yang unggul.

Semangat patriotisme dapat diperkasa secara berperingkat dalam tempoh jangka panjang, konsisten dan sistematik. Hal ini demikian kerana sistem pendidikan di Malaysia bermula dari peringkat prasekolah hinggalah ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Penyemai dan pengukuhan semangat patriotisme turut terkandung dalam sukatan mata pelajaran tertentu dalam sistem pendidikan Malaysia.

Antaranya dalam pelbagai mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Seni Visual.

Langkah untuk memantapkan



BULAN Ogos juga sinonim dengan pelancaran Rukun Negara yang merupakan tunjang keharmonian negara. - GAMBAR HIASAN

perpaduan harus diiringi dengan usaha meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Tujuannya supaya mereka berasa sebagai satu bangsa, biarpun wujud perbezaan kaum dan budaya.

Usaha membentuk masyarakat yang benar-benar bersatu memerlukan masa. Ini kerana, kita perlu belajar menerima, menyesuaikan diri dan saling menghormati antara satu sama lain. Komuniti setempat juga perlu mengambil inisiatif bagi merealisasikan pelbagai program.

Pengajuannya boleh melalui kerjasama pihak kerajaan seperti Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia atau badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi kekeluargaan.

Penyebaran ilmu berkaitan patriotisme dan toleransi kaum juga perlu menerusi penerbitan buku, majalah dan media digital yang berintegriti.

Usaha sebegini perlu dicontohi dan diperluaskan agar pemupukan patriotisme dan toleransi kaum dapat dilakukan dengan lebih menyeluruh. Bulan Ogos juga sinonim dengan pelancaran Rukun Negara pada 31 Ogos 1970. Beliau pelbagai kaum masih lagi kurang memahami dan menghayati

prinsip Rukun Negara, khususnya berkaitan Raja Berperlembagaan serta demokrasi berparlimen.

Kebanyakannya masih kurang memahami mengenai sejarah pembentukan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang. Warganegara patriotik harus menguasai beberapa aspek yang berkaitan dengan pengetahuan dan amalan dalam mentaati undang-undang negara.

Pemantapan amalan boleh dilakukan melalui pengamalan budaya dan nilai murni seperti yang termaktub dalam Rukun Negara. Justeru, Rukun Negara perlu diperluaskan peranannya dalam proses pembelajaran sama ada di peringkat persekolahan rendah, menengah dan IPT.

Memperkasakan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita mampu meningkatkan patriotisme, khususnya dalam kalangan belia pelbagai kaum.

Sejarah bukan sekadar kisah masa lalu, ia wajar dihayati dalam melahirkan generasi yang patriotik terhadap tanah air. Sejarah adalah kompas masa depan yang mampu membimbing perjalanan sebuah bangsa dan penting dalam membentuk kerangka

jati diri rakyat Malaysia.

Penghayatan terhadap sejarah akan membenihkan semangat patriotisme dan nasionalisme. Ini sekali gus dapat memastikan bahawa nilai-nilai kebangsaan akan terus hidup dan berkembang, selari dengan peredaran zaman.

Kekuatan dalam penghayatan sejarah juga dapat memperkukuhkan daya tahan sesuatu tamadun untuk terus teguh dengan identiti kebangsaan. Pengukuhan identiti nasional membolehkan penguasaan muda bersedia menangani sebarang cabaran dan konflik secara matang serta bijaksana.

Kejituan dalam memperkasa identiti nasional yang berteraskan sejarah adalah dasar kepada penyatuan masyarakat pelbagai etnik. Melalui perkongsian sejarah, kita akan mengenali kekuatan bersama dan saling menghormati perbezaan.

Oleh yang demikian, agenda untuk memantapkan dan memperkasa identiti nasional bukanlah sekadar wacana atau retorik kosong, ia perlu disemai dan diraisai oleh setiap lapisan masyarakat.

Perpaduan yang sejati hanya dapat dicapai apabila setiap individu, tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau budaya, merasai kepentingan sejarah sebagai unsur utama dalam membina sebuah negara bersatu padu dan maju.

Sebagai pasak keutuhan negara bangsa, perubahan persekitaran sosial hendaklah mengarah kepada proses integrasi yang menjurus kepada pembinaan, pengukuhan dan pemantapan perpaduan kaum.

Ini sekali gus menjadi tonggak utama pembinaan negara bangsa yang bersatu, berdaulat dan menghayati nilai perjuangan bangsa dan aspek kenegaraan.

Semangat nasionalisme yang terbina daripada kesedaran untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan adalah asas penting bagi sistem bernegara di Malaysia.

Periapan mengenang kembali ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-69 pada tahun ini perlu rancang dilaksanakan. Patriotisme bukan sekadar mengibarkan Jalur Gemilang pada setiap Ogos, tetapi menghayati sejarah, menghormati kepelbagaian dan memelihara perpaduan negara sepanjang masa.

PENULIS ialah pensyarah Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kepujian, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia